

BERITA HARIAN, SABTU, 17 JUN, 1978

Ramai ahli2 perusahaan Eropah akan lawat Malaysia



DATUK SERI DR. MAHATHIR

ALOR SETAR, Jumaat (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini ramai ahli perusahaan dari eropah akan melawat malaysia tidak lama lagi untuk mengkaji kemungkinan mendirikan kilang-kilang perusahaan di negara ini.

Mereka telah menunjukkan minat untuk melabur di negara ini termasuk di Kedah, katanya kepada para pemberita selepas merasmikan majlis taklimat pembangunan kepada 465 orang Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dari seluruh daerah Kubang Pasu di Jenan, dekat sini.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, salah sebuah syarikat tersebut telah memberitahu akan membesarkan kilang membuat sarung tangan getah yang sedang dibina di Tapak Perusahaan Kulim.

"Kita bolehlah mengharapkan banyak kilang perusahaan akan didirikan di Negeri Kedah selepas ahli-ahli perusahaan Eropah itu melawat negara ini untuk meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengetuai satu rombongan penggalakan pelaburan dari Malaysia ke beberapa buah negara Eropah baru-baru ini dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan Eropah ke negara ini.

Terdahulu dari itu, Timbalan Perdana Menteri menyeru Ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung supaya memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menjamin rancangan-rancangan pembangunan di kampung masing-masing dapat dilaksanakan dengan lancar.

Meminta

Katanya, sebagai pemimpin-pemimpin kampung adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli JKKK untuk memimpin penduduk-penduduk ke arah kemakmuran dan kemajuan yang lebih pesat.

Beliau berkata, mereka tidak seharusnya menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka dengan menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab apabila meminta Kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan di kampung masing-masing.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk menunaikan semua kehendak rakyat tetapi ia tidak dapat mengadakan semua projek serentak.

Beliau menasihatkan rakyat supaya mengemukakan semua permohonan mereka melalui JKKK masing-masing untuk memastikan tindakan yang sewajarnya dan cepat dapat diambil.

Timbalan Perdana Menteri juga menggesa Ahli-ahli JKKK supaya menerangkan kepada rakyat segala usaha Kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan ke kampung-kampung.

Selepas itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menemui Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan UMNO Negeri Kedah di Ibu Pejabat UMNO di sini dan kemudian mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin UMNO dari semua bahagian di Kedah di tempat yang sama.

No. Sini: 13211

No. Pen: 1012/50